

SOALAN LAZIM
BAHAGIAN TAJAAN PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

CAWANGAN PENAWARAN (T)

SOALAN LAZIM:

A. KLUSTER PRA PERKHIDMATAN

1.0 BIASISWA PERGURUAN PERSEKUTUAN IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (ISMP)

1.1 PERMOHONAN

- i. Siapakah yang layak memohon program Biasiswa Perguruan Persekutuan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) ini?

Jawapan:

(a) Calon yang berumur tidak melebihi 25 tahun pada 1 Januari (tahun permohonan); dan

(b) Calon sedang mengikuti pengajian **tahun pertama atau tahun kedua** di peringkat **Ijazah Sarjana Muda Pendidikan** seperti bidang yang ditetapkan dan perlu mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 3.50** dan ke atas bagi keputusan semester terkini untuk memohon.

- ii. Adakah terdapat syarat-syarat lain yang perlu dipatuhi semasa saya mengisi permohonan?

Jawapan:

Ada. Pelajar perlu merujuk terlebih dahulu Pengenalan, Syarat-Syarat dan Panduan Permohonan Biasiswa Perguruan Persekutuan ISMP yang telah dilampirkan melalui sistem ePenawaran KPM di **<https://epenawaran.moe.gov.my/ijazah1/login.cfm>**.

- iii. Apakah bidang pendidikan yang layak memohon?

Jawapan:

Kebiasaannya senarai bidang yang ditawarkan pada tahun tersebut akan berlainan dengan senarai bidang tahun-tahun sebelum ini. Oleh itu, pelajar diingatkan untuk menyemak

terlebih dahulu senarai bidang yang ditawarkan melalui hebahan di Portal Rasmi KPM (www.moe.gov.my) atau di sistem ePenawaran KPM (<https://epenawaran.moe.gov.my/ijazah1/login.cfm>).

- iv. Saya merupakan pelajar tahun pertama (semester 1). Adakah saya boleh memohon dengan menggunakan CGPA di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)/Matrikulasi/Asasi/Diploma?

Jawapan:

Tidak boleh. Pelajar hanya boleh menggunakan keputusan semester terkini di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (tahun pertama atau tahun kedua) dengan sekurang-kurangnya PNGK 3.50 dan ke atas.

- v. Apakah yang perlu saya lakukan setelah permohonan saya berjaya dihantar?

Jawapan:

Pelajar **WAJIB** memuat turun dan menyimpan/mencetak **Slip Pengesahan Penghantaran Permohonan** sebagai bukti permohonan dan rujukan pada masa akan datang. KPM akan meneliti dan memilih calon yang terbaik yang memenuhi kriteria ditetapkan untuk dipanggil ke sesi e-UKCG. Panggilan e-UKCG akan dihebahkan melalui Portal Rasmi KPM atau melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS).

1.2 UJIAN KELAYAKAN CALON GURU (e-UKCG)

- i. Apakah itu e-UKCG?

Jawapan:

e-UKCG adalah merupakan **ujian psikometrik** secara dalam talian yang digunakan untuk menyaring calon-calon yang memohon Biasiswa Perguruan Persekutuan Program ISMP. Hanya calon yang lulus e-UKCG layak dipertimbangkan untuk menduduki saringan seterusnya.

- ii. Bolehkah calon menukar tarikh e-UKCG yang telah ditetapkan?

Jawapan:

Tidak. Calon tidak dibenarkan menukar tarikh e-UKCG dan calon perlu bersedia untuk menduduki ujian tersebut pada tarikh yang telah ditetapkan.

- iii. Bagaimana calon boleh mengetahui status layak menduduki e-UKCG?

Jawapan:

Calon perlu membuat semakan melalui Portal Rasmi KPM di pautan www.moe.gov.my. Sila peka dan ingat tarikh e-UKCG yang ditetapkan.

- iv. Bagaimana pelaksanaan e-UKCG?

Jawapan:

e-UKCG dijalankan sepenuhnya secara dalam talian. Calon boleh menduduki e-UKCG di kediaman masing-masing atau di mana-mana tempat yang mempunyai talian internet yang baik.

- v. Apakah persediaan yang perlu calon lakukan sebelum menduduki e-UKCG?

Jawapan:

- (a) Calon akan ditetapkan tarikh untuk menduduki e-UKCG. Calon perlu peka dengan tarikh yang diberi dan membuat persediaan awal seperti mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk menjawab sekiranya tiada talian internet di rumah;
- (b) Pastikan calon membaca dan memahami arahan soalan dengan teliti sebelum membuat pengesahan untuk menjawab soalan; dan
- (c) e-UKCG mengandungi banyak soalan dan perlu dijawab dalam tempoh masa yang terhad. Oleh yang demikian, calon dinasihatkan untuk menjawab secara spontan. Pilih jawapan yang sesuai dengan diri sendiri.

- vi. Bolehkah calon berbincang dengan keluarga atau orang lain semasa menjawab e-UKCG?

Jawapan:

Tidak. Calon tidak dibenarkan berbincang atau bertanya kepada ahli keluarga atau orang lain semasa menjawab e-UKCG.

- vii. Setelah calon selesai menjawab e-UKCG dan klik butang hantar, adakah calon boleh menjawab semula ujian tersebut?

Jawapan:

Tidak. Calon tidak lagi boleh menjawab e-UKCG setelah menghantar permohonan.

1.3 UJIAN KECERGASAN FIZIKAL (UKF) DAN TEMU DUGA

- i. Apakah Ujian Kecergasan Fizikal (UKF)?

Jawapan:

Ujian Kecergasan Fizikal (UKF) merupakan saringan yang bertujuan menilai tahap kecergasan dan kesihatan calon. UKF dan sesi temu duga dijalankan secara bersemuka. Hanya calon yang lulus saringan e-UKCG akan dipertimbangkan untuk menduduki UKF dan temu duga.

- ii. Bolehkah calon menukar tarikh atau pusat UKF dan temu duga?

Jawapan:

Tidak. Calon tidak boleh menukar tarikh atau pusat UKF dan temu duga yang telah ditetapkan. Calon dinasihatkan membuat persediaan dan perancangan awal sebelum menghadiri UKF dan temu duga.

- iii. Adakah calon akan diberi taklimat berkenaan UKF dan temu duga?

Jawapan:

Ya. Calon akan diberi taklimat berkaitan prosedur UKF dan temu duga oleh panel yang dilantik pada hari ujian dijalankan. Selain daripada itu, Bahagian Tajaan Pendidikan bersama-sama Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) juga akan mengadakan sesi taklimat khusus berkaitan UKF dan temu duga melalui slot Youtube Live. Sila rujuk iklan atau jadual slot Youtube Live IPGM untuk maklumat tarikh-tarikh siaran.

- iv. Adakah calon yang sedang sakit atau cedera perlu melaksanakan UKF?

Jawapan:

Calon yang mengandung, sakit atau cedera **TIDAK DIBENARKAN** untuk menduduki UKF atas faktor kesihatan dan keselamatan. Calon perlu memaklumkan kepada penilai status kesihatan masing-masing sebelum ujian dimulakan.

- v. Apakah persediaan yang perlu calon lakukan sebelum menghadiri UKF dan temu duga?

Jawapan:

- (a) Calon perlu peka dengan tarikh dan pusat UKF serta temu duga yang telah ditetapkan;
- (b) Calon perlu membaca garis panduan UKF dan temu duga dengan teliti.

Garis panduan UKF dan temu duga disediakan untuk calon mendapatkan maklumat UKF serta temu duga dengan lebih lengkap. Hanya calon yang lulus e-UKCG sahaja yang boleh memuat turun panduan ini; dan

- (c) Calon boleh melakukan aktiviti-aktiviti kecergasan yang sesuai sebagai persiapan sebelum menduduki ujian.

vi. Berapa lamakah tempoh masa temu duga dijalankan?

Jawapan:

Calon akan ditemu duga dalam anggaran tempoh masa antara 1 jam hingga 1 jam 15 minit. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada keperluan panel temu duga masing-masing.

vii. Apakah yang akan dinilai dalam temu duga?

Jawapan:

Calon akan dinilai mengenai kesesuaian dan ketrampilan diri calon sebagai seseorang yang boleh dilantik menjadi guru.

1.4 TAWARAN

i. Adakah tawaran biasiswa ini mempunyai ikatan kontrak?

Jawapan:

Ya. Pelajar tajaan juga perlu lulus proses temu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) untuk dilantik dalam perkhidmatan awam dan berkhidmat dengan KPM selama empat tahun sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dengan syarat pelajar tamat dalam tempoh yang ditetapkan.

ii. Sekiranya saya mempunyai persoalan berkenaan biasiswa ini, unit manakah yang saya boleh rujuk?

Jawapan:

Pelajar boleh hubungi pihak urus setia (Cawangan Penawaran, Bahagian Tajaan Pendidikan) di talian **03-8321 7151/7113/7138/ 7157/7159** atau melalui e-mel **ismp.bt@moe.gov.my**.

2.0 BIASISWA PERGURUAN PERSEKUTUAN PROGRAM PENGHANTARAN PELAJAR CEMERLANG KE LUAR NEGARA (PPC) MATRIKULASI BAWAH SKIM LATIHAN TENAGA PENGAJAR PROGRAM MATRIKULASI (SLTPPM) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

2.1 PERMOHONAN

- i. Bagaimanakah cara untuk memohon Program PPC Matrikulasi bawah SLTPPM?

Jawapan:

Permohonan Program PPC bawah SLTPPM boleh dibuat melalui **<http://apps.matrik.edu.my/sltpm>** pada tarikh yang ditetapkan.

- ii. Siapakah yang boleh membuat permohonan?

Jawapan:

Pelajar tahun akhir Program Matrikulasi KPM termasuk pelajar Sistem Empat Semester.

- iii. Apakah syarat permohonan Program PPC Matrikulasi bawah SLTPPM?

Jawapan:

Syarat Khas Bidang STEM/Perakaunan ke Luar Negara:

- (a) Minimum PNG 3.5 dalam Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM) Semester I Program Dua Semester atau Semester III Program Empat Semester;
- (b) Minimum gred A- keputusan PSPM dalam bidang yang dimohon dan minimum gred B keputusan SPM dalam bidang yang dimohon (Matematik Tambahan/Fizik/Kimia/Biologi/ Sains Komputer/Perakaunan); dan
- (c) Mendapat keputusan minimum gred B bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan minimum gred B2 bagi Common European Framework of Reference (CEFR) peringkat SPM.

Syarat Khas Bidang Bahasa Inggeris Ke Luar Negara:

- (a) Minimum PNG 3.5 dalam Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM) Semester I Program Dua Semester atau Semester III Program Empat Semester; dan
- (b) Minimum gred A bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan CEFR gred B2 peringkat SPM.

Syarat Khas Bidang Bahasa Inggeris Dalam Negara:

- (a) Minimum PNG 3.0 dalam PSPM Semester I Program Dua Semester atau Semester III Program Empat Semester;
- (b) Minimum gred A bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan CEFR gred B2 peringkat SPM;
- (c) Calon perlu memohon program Ijazah Pendidikan TESL di Universiti Malaya (UM)/Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui UPUOnline dalam senarai pilihan utama (pilihan 1 dan 2 sahaja); dan
- (d) Calon perlu lulus ujian Malaysian Educator Selection Inventory (MEdSI) dan temu duga serta memenuhi syarat lain yang ditetapkan UM/UKM berkenaan.

Pemohon perlu memenuhi syarat am dan syarat khas yang ditetapkan. Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses dan dipertimbangkan untuk saringan seterusnya.

- iv. Saya tidak mengambil Sains Komputer/Perakaunan semasa SPM, Bolehkah saya memilih bidang Sains Komputer/Perakaunan?

Jawapan:

Pelajar akan dipertimbangkan seperti berikut:

Bagi bidang Sains Komputer, subjek lain yang akan dipertimbangkan adalah Matematik Tambahan di peringkat SPM dan Sains Komputer semasa PSPM.

Manakala bagi bidang Perakaunan subjek lain yang akan dipertimbangkan adalah Matematik di peringkat SPM dan Perakaunan semasa PSPM.

- v. Bagaimanakah pemilihan dilakukan?

Jawapan:

Calon PPC Matrikulasi ke luar negara akan dipilih berdasarkan panduan yang berikut:

- (a) Calon memenuhi syarat am dan syarat khas yang ditetapkan;
- (b) Diperaku Ujian Kelayakan Calon Guru (e-UKCG) dan temu duga; dan
- (c) Keputusan pengiraan merit yang akan mengambil kira markah akademik, temu duga dan kokurikulum calon.

2.2 UJIAN KELAYAKAN CALON GURU (e-UKCG)

- i. Bagaimanakah Ujian Kelayakan Calon Guru (e-UKCG) dijalankan?

Jawapan:

e-UKCG dijalankan adalah secara dalam talian melalui pautan <https://ukcg.moe.gov.my/Matrik>. Calon boleh menyemak status panggilan e-UKCG pada tarikh yang ditetapkan di pautan <http://apps.matrik.edu.my/sltppm>.

- ii. Bolehkah calon menukar tarikh e-UKCG yang telah ditetapkan?

Jawapan:

Tidak. Calon tidak dibenarkan menukar tarikh e-UKCG dan calon perlu bersedia untuk menduduki ujian tersebut pada tarikh yang telah ditetapkan.

- iii. Bagaimana calon boleh mengetahui status layak menduduki e-UKCG?

Jawapan:

Calon yang telah mengesahkan dan menghantar permohonan PPC Matrikulasi secara dalam talian akan diberi tarikh menduduki e-UKCG. Sila peka dan ingat tarikh e-UKCG yang ditetapkan.

- iv. Bagaimana pelaksanaan e-UKCG?

Jawapan:

e-UKCG dijalankan sepenuhnya secara dalam talian. Calon boleh menduduki e-UKCG di kediaman masing-masing atau di mana-mana tempat yang mempunyai talian internet yang baik.

- v. Apakah persediaan yang perlu calon lakukan sebelum menduduki e-UKCG?

Jawapan:

- (a) Calon akan ditetapkan tarikh untuk menduduki e-UKCG. Calon perlu peka dengan tarikh yang diberi dan membuat persediaan awal seperti mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk menjawab sekiranya tiada talian internet di rumah;
- (b) Pastikan calon membaca dan memahami arahan soalan dengan teliti sebelum membuat pengesahan untuk menjawab soalan; dan
- (c) e-UKCG mengandungi banyak soalan dan perlu dijawab dalam tempoh masa yang terhad. Oleh yang demikian, calon dinasihatkan untuk menjawab secara spontan. Pilih jawapan yang sesuai dengan diri sendiri.

- vi. Bolehkah calon berbincang dengan keluarga atau orang lain semasa menjawab e-UKCG?

Jawapan:

Tidak. Calon tidak dibenarkan berbincang atau bertanya kepada ahli keluarga atau orang lain semasa menjawab e-UKCG.

- vii. Setelah calon selesai menjawab e-UKCG dan klik butang hantar, adakah calon boleh menjawab semula ujian tersebut?

Jawapan:

Tidak. Calon tidak lagi boleh menjawab e-UKCG setelah menghantar permohonan.

2.3 UJIAN KECERGASAN FIZIKAL (UKF)

- i. Apakah Ujian Kecergasan Fizikal (UKF)?

Jawapan:

Ujian Kecergasan Fizikal (UKF) adalah merupakan saringan yang bertujuan menilai tahap kecergasan dan kesihatan calon. UKF dijalankan secara fizikal. Hanya calon yang lulus saringan e-UKCG akan dipertimbangkan untuk menduduki UKF.

- ii. Bolehkah calon menukar tarikh atau pusat UKF?

Jawapan:

Tidak. Calon tidak boleh menukar tarikh atau pusat UKF yang telah ditetapkan. Calon dinasihatkan membuat persediaan dan perancangan awal sebelum menghadiri UKF.

- iii. Adakah calon yang sedang sakit atau cedera perlu melaksanakan UKF?

Jawapan:

Calon yang mengandung, sakit atau cedera **TIDAK DIBENARKAN** untuk menduduki UKF atas faktor kesihatan dan keselamatan. Calon perlu memaklumkan kepada penilai status kesihatan masing-masing sebelum ujian dimulakan.

viii. Apakah persediaan yang perlu calon lakukan sebelum menghadiri UKF?

Jawapan:

- (a) Calon perlu peka dengan tarikh dan pusat UKF yang telah ditetapkan;
- (b) Calon perlu membaca **garis panduan** UKF dengan teliti. Garis panduan UKF disediakan untuk calon mendapatkan maklumat UKF dengan lebih lengkap; dan
- (c) Calon boleh melakukan aktiviti-aktiviti kecergasan yang sesuai sebagai persiapan sebelum menduduki ujian.

2.4 TEMU DUGA

i. Bagaimanakah cara menyemak status panggilan temu duga Program PPC Matrikulasi?

Jawapan:

Panggilan temu duga boleh disemak secara dalam talian melalui **<https://ukcg.moe.gov.my>** pada tarikh yang akan ditetapkan. Hanya calon yang telah lulus e-UKCG dan UKF sahaja akan dipanggil untuk temu duga.

ii. Bila dan dimanakah temu duga Program PPC Matrikulasi akan diadakan?

Jawapan:

Temu duga bagi bidang STEM/Perakaunan/BI ke luar negara akan dijalankan pada tarikh dan pusat temu duga yang akan ditentukan oleh KPM.

iii. Apakah persediaan yang perlu dibuat sebelum temu duga?

Jawapan:

- (a) Calon perlu menyediakan dokumen temu duga seperti di
pautan yang ditetapkan dan menyerahkan dokumen tersebut kepada panel temu duga;
- (b) Calon yang layak akan dipanggil menghadiri sesi temu duga. Buat persediaan diri, alat tulis, dokumen temu duga, pengajaran mikro dan hadir pada masa yang ditetapkan; dan
- (c) Taklimat permohonan PPC Matrikulasi akan diadakan pada tarikh dan masa yang akan ditetapkan melalui pautan **channel Youtube “Jommasukmatriks”**.

- iv. Bagaimana pemilihan bagi bidang TESL dalam negara dijalankan?

Jawapan:

Calon wajib memohon ke UM/UKM dalam pilihan 1 atau 2 melalui UPUOnline bagi membolehkan pelajar dipanggil menjalani saringan MEdSI dan temu duga yang dianjurkan oleh pihak universiti berkenaan. Ujian MEdSI dan temu duga dijangka dijalankan pada bulan Mei hingga Julai.

2.5 TAWARAN

- i. Adakah syarat lain yang perlu saya penuhi selepas menerima tawaran?

Jawapan:

Calon jaya PPC Matrikulasi perlu memenuhi syarat-syarat wajib seperti yang berikut:

- (a) Diterima masuk ke universiti dalam/luar negara yang ditetapkan oleh KPM;
- (b) Disahkan sihat melalui Laporan Pemeriksaan Kesihatan oleh Hospital/Klinik Kerajaan;
- (c) Memperoleh keputusan minima 6.5 dalam International English Language Testing System (IELTS)*;
- (d) Hadir dan Lulus Kursus Persediaan Pelajar PPC Matrikulasi selama satu bulan di pusat yang ditetapkan oleh KPM*; dan
- (e) Bagi pemohon bidang BI ke luar negara calon perlu mencapai PNGK minima 3.5 dalam PSPM untuk menerima tawaran penuh Biasiswa Perguruan Persekutuan*.
(*Nota: Bagi permohonan PPC Matrikulasi ke luar negara sahaja.)

- ii. Bolehkah saya menerima tawaran biasiswa jika gagal dalam ujian IELTS?

Jawapan:

Calon wajib lulus IELTS dengan minima gred skor 6.5 bagi pengajian ke luar negara memandangkan ianya merupakan syarat kemasukan yang ditetapkan oleh pihak universiti serta syarat ditawarkan Biasiswa Perguruan Persekutuan. Tawaran akan terbatal sekiranya pelajar gagal melepasi syarat ini serta syarat lain yang ditetapkan KPM.

- iii. Bolehkah saya menolak tawaran PPC Matrikulasi sekiranya mendapat tawaran lain?

Jawapan:

Ya. Walau bagaimanapun pelajar perlu menjawab Surat Setuju Terima dalam tempoh tiga hari selepas keputusan diumumkan.

- iv. Bolehkah saya membuat rayuan sekiranya tidak mendapat tawaran?

Jawapan:

Tidak. Keputusan adalah muktamad. Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan. Calon yang layak akan dihubungi sekiranya terdapat kekosongan tempat. Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya anda tidak dihubungi dalam tempoh 10 bulan selepas tarikh tutup permohonan.

3.0 BIASISWA PERGURUAN PERSEKUTUAN PROGRAM PENGHANTARAN PELAJAR CEMERLANG KE LUAR NEGARA (PPC) DI JORDAN

3.1 PERMOHONAN

- i. Siapakah yang layak memohon PPC di Jordan?

Jawapan:

Permohonan PPC di Jordan pada tahun semasa hanya dibuka kepada lepasan SPM tahun sebelumnya.

- ii. Adakah syarat umur ditetapkan?

Jawapan:

Ya. Syarat umur yang ditetapkan adalah tidak melebihi 20 tahun pada 30 Jun tahun semasa permohonan.

- iii. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat program yang ditawarkan?

Jawapan:

Maklumat boleh didapati dari laman sesawang Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dan PPC di Jordan di alamat <https://pismmp.moe.gov.my/>

- iv. Di manakah saya boleh memohon?

Jawapan:

Permohonan hanya dijalankan secara dalam talian. Calon boleh membuat permohonan menerusi laman sesawang PISMP dan PPC di Jordan di alamat <https://pismp.moe.gov.my/>

- v. Berapa kali saya boleh mengemas kini permohonan?

Jawapan:

Pemohon boleh mengemas kini permohonan pada bila-bila masa sebelum membuat pengesahan permohonan. (sila rujuk tarikh-tarikh penting di laman sesawang <https://pismp.moe.gov.my/>).

3.2 UJIAN KELAYAKAN CALON GURU (e-UKCG)

- i. Apakah itu e-UKCG?

Jawapan:

e-UKCG adalah merupakan **ujian psikometrik** secara dalam talian yang digunakan untuk menyaring calon-calon yang memohon latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru (IPG). Hanya calon yang lulus e-UKCG layak dipertimbangkan untuk menduduki saringan seterusnya.

- ii. Bolehkah calon menukar tarikh e-UKCG yang telah ditetapkan?

Jawapan:

Tidak. Calon tidak dibenarkan menukar tarikh e-UKCG dan calon perlu bersedia untuk menduduki ujian tersebut pada tarikh yang telah ditetapkan.

- iii. Bagaimana calon boleh mengetahui status layak menduduki e-UKCG?

Jawapan:

Calon yang telah mengesahkan dan menghantar permohonan PPC di Jordan secara dalam talian akan diberi tarikh menduduki e-UKCG. Sila peka dan ingat tarikh e-UKCG yang ditetapkan.

- iv. Bagaimana pelaksanaan e-UKCG?

Jawapan:

e-UKCG dijalankan sepenuhnya secara dalam talian. Calon boleh menduduki e-UKCG di kediaman masing-masing atau di mana-mana tempat yang mempunyai talian internet yang baik.

- v. Apakah persediaan yang perlu calon lakukan sebelum menduduki e-UKCG?

Jawapan:

- (a) Calon akan ditetapkan tarikh untuk menduduki e-UKCG. Calon perlu peka dengan tarikh yang diberi dan membuat persediaan awal seperti mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk menjawab sekiranya tiada talian internet di rumah;
 - (b) Pastikan calon membaca dan memahami arahan soalan dengan teliti sebelum membuat pengesahan untuk menjawab soalan; dan
 - (c) e-UKCG mengandungi banyak soalan dan perlu dijawab dalam tempoh masa yang terhad. Oleh yang demikian, calon dinasihatkan untuk menjawab secara spontan. Pilih jawapan yang sesuai dengan diri sendiri.
- vi. Bolehkah calon berbincang dengan keluarga atau orang lain semasa menjawab e-UKCG?

Jawapan:

Tidak. Calon tidak dibenarkan berbincang atau bertanya kepada ahli keluarga atau orang lain semasa menjawab e-UKCG.

- vii. Setelah calon selesai menjawab e-UKCG dan klik butang hantar, adakah calon boleh menjawab semula ujian tersebut?

Jawapan:

Tidak. Calon tidak lagi boleh menjawab e-UKCG setelah menghantar permohonan.

3.3 UJIAN KECERGASAN FIZIKAL (UKF)

- i. Apakah Ujian Kecergasan Fizikal (UKF)?

Jawapan:

Ujian Kecergasan Fizikal (UKF) merupakan saringan yang bertujuan menilai tahap kecergasan dan kesihatan calon. UKF dijalankan secara bersemuka.

Hanya calon yang lulus saringan e-UKCG akan dipertimbangkan untuk menduduki UKF.

- ii. Bolehkah calon menukar tarikh atau pusat UKF?

Jawapan:

Tidak. Calon tidak boleh menukar tarikh atau pusat UKF yang telah ditetapkan. Calon dinasihatkan membuat persediaan dan perancangan awal sebelum menghadiri UKF.

- iii. Adakah calon akan diberi taklimat berkenaan UKF?

Jawapan:

Ya. Calon akan diberi taklimat berkaitan prosedur UKF oleh panel UKF yang dilantik pada hari ujian dijalankan. Selain daripada itu, Bahagian Tajaan Pendidikan (BTP) bersama-sama Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) juga akan mengadakan sesi taklimat khusus berkaitan UKF melalui slot Youtube Live. Sila rujuk iklan atau jadual slot Youtube Live IPGM untuk maklumat tarikh-tarikh siaran.

- iv. Adakah calon yang sedang sakit atau cedera perlu melaksanakan UKF?

Jawapan:

Calon yang mengandung, sakit atau cedera **TIDAK DIBENARKAN** untuk menduduki UKF atas faktor kesihatan dan keselamatan. Calon perlu memaklumkan kepada penilai status kesihatan masing-masing sebelum ujian dimulakan.

- v. Apakah persediaan yang perlu calon lakukan sebelum menghadiri UKF?

Jawapan:

- (a) Calon perlu peka dengan tarikh dan pusat UKF yang telah ditetapkan;
- (b) Calon perlu membaca **garis panduan** UKF dengan teliti. Garis panduan UKF disediakan untuk calon mendapatkan maklumat UKF dengan lebih lengkap; dan
- (c) Calon boleh melakukan aktiviti-aktiviti kecergasan yang sesuai sebagai persiapan sebelum menduduki ujian.

3.4 TEMU DUGA

- i. Siapakah yang layak untuk ditemu duga?

Jawapan:

Hanya calon yang lulus e-UKCG serta melepasi syarat umum dan bidang sahaja layak dipertimbangkan untuk ditemu duga.

- ii. Bilakah calon akan dimaklumkan mengenai tarikh dan sesi temu duga?

Jawapan:

Tarikh dan sesi temu duga akan dimaklumkan kepada calon melalui laman web. Sila rujuk tarikh-tarikh penting.

- iii. Bagaimanakah temu duga dilaksanakan?

Jawapan:

Temu duga dilaksanakan secara bersemuka. Calon mesti **hadir di pusat-pusat temu duga mengikut tarikh dan masa** yang telah ditetapkan.

- iv. Adakah calon dibenarkan menukar tarikh atau sesi temu duga?

Jawapan:

Tidak dibenarkan. Calon dianggap gagal dalam temu duga sekiranya tidak mematuhi tarikh atau sesi temu duga seperti yang telah ditetapkan.

- v. Berapa lamakah tempoh masa temu duga dijalankan?

Jawapan:

Calon akan ditemu duga dalam anggaran tempoh masa antara 1 jam hingga 1 jam 15 minit. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada keperluan panel temu duga masing- masing.

- vi. Apakah yang akan dinilai dalam temu duga?

Jawapan:

Calon akan dinilai mengenai kesesuaian dan ketrampilan diri calon sebagai seseorang yang boleh dilantik menjadi guru.

- vii. Apakah persediaan yang boleh dilakukan oleh calon sebelum menghadiri temu duga?

Jawapan:

Calon perlu mengetahui **pusat temu duga, tarikh dan sesi temu duga** yang telah ditetapkan. Calon juga perlu memastikan **semua dokumen** yang diperlukan dibawa ke pusat temu duga.

- viii. Apakah yang perlu dilakukan pada hari temu duga?

Jawapan:

Calon perlu datang awal ke pusat temu duga yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kesulitan. Ikut pandu arah yang disediakan di pusat temu duga untuk ke tempat pendaftaran. Calon akan dibantu oleh urus setia pusat temu duga untuk proses seterusnya.

- ix. Di manakah calon boleh mendapat maklumat lanjut mengenai temu duga?

Jawapan:

Maklumat lanjut mengenai temu duga boleh didapati di dalam Panduan Temu duga yang boleh dimuat turun semasa calon membuat semakan keputusan e-UKCG. Hanya calon yang lulus e-UKCG sahaja boleh memuat turun panduan ini.

3.5 TAWARAN

- i. Di manakah saya boleh menyemak keputusan tawaran?

Jawapan:

Anda boleh menyemak keputusan tawaran di laman sesawang PISMP dan PPC di Jordan: **<https://pismp.moe.gov.my/>**

- ii. Adakah saya akan ditawarkan bidang yang bukan menjadi pilihan saya semasa permohonan?

Jawapan:

Ya. Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) berhak menawarkan bidang selain daripada permohonan calon sekiranya memenuhi syarat bidang pengkhususan yang ditetapkan.

iii. Bolehkah saya menolak tawaran?

Jawapan:

Boleh. Anda boleh memilih untuk menolak tawaran.

iv. Bolehkah saya menukar program atau bidang pengajian setelah menerima tawaran?

Jawapan:

Tidak. Anda tidak dibenarkan menukar program atau bidang pengajian kerana tawaran adalah **muktamad**.

v. Bolehkah saya menukar tempat pengajian?

Jawapan:

Tidak. Anda tidak dibenarkan menukar tempat pengajian yang ditetapkan. Tempat pengajian yang ditawarkan adalah **muktamad**.

vi. Bolehkah saya menangguh pendaftaran?

Jawapan:

Tidak. Anda tidak dibenarkan untuk menangguh tarikh pendaftaran yang ditetapkan. Tarikh pendaftaran yang ditetapkan adalah **muktamad**.

vii. Sekiranya saya gagal ditawarkan, adakah saya boleh membuat rayuan?

Jawapan:

Boleh. Rayuan boleh dibuat **secara dalam talian sahaja** menerusi butang eRayuan di laman sesawang PISMP: <https://pismp.moe.gov.my/>. **Rayuan yang dibuat selain daripada kaedah di atas tidak akan dipertimbangkan.**

viii. Adakah tawaran saya boleh dibatalkan?

Jawapan:

Ya. Tawaran anda boleh dibatalkan pada bila-bila masa sekiranya KPM mendapati anda memalsukan maklumat semasa permohonan.

B. KLUSTER LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

1.0 HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP)/CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA (CBBP TB)/HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SEPARUH MASA/SAMBILAN (HLPS)

1.1 PERMOHONAN

- i. Siapakah yang layak memohon Program Penajaan/Cuti Belajar KPM ini?

Jawapan:

Semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) yang ketua perkhidmatannya adalah Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM) dan telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

- ii. Bagaimanakah cara terbaik untuk saya memilih bidang pengajian yang ingin diikuti?

Jawapan:

Pegawai perlu memastikan bidang yang dimohon adalah berkaitan dengan kelayakan akademik yang telah dimiliki, kesesuaian opsyen atau pengalaman perkhidmatan serta perancangan peningkatan kerjaya pada masa akan datang. Pegawai perlu membuat persediaan dari segi pengetahuan dan mempunyai minat yang tinggi dalam bidang yang dipilih.

- iii. Adakah terdapat syarat-syarat yang perlu dipatuhi semasa saya membuat pemilihan bidang di universiti?

Jawapan:

Ya. Pegawai perlu memastikan perkara berikut dilaksanakan:

- (a) Bidang yang ditawarkan di universiti adalah sama dengan bidang yang ditawarkan oleh KPM; dan

- (b) Struktur/Mod mengikut peringkat pengajian adalah seperti yang berikut:

- Ijazah Sarjana:
 - Mod Campuran (Kerja Kursus dengan Disertasi/Tesis); atau
 - Mod Penyelidikan; atau
 - Mod Kerja Kursus.
- Ijazah Kedoktoran Falsafah (PhD):
 - Mod Penyelidikan.

- Ijazah Kedoktoran Pendidikan (EdD):
 - Mod Campuran; atau
 - Mod Kerja Kursus.

- iv. Apakah persediaan awal yang boleh saya lakukan sekiranya saya benar-benar berminat untuk menyambung pengajian dan ingin membuat permohonan?

Jawapan:

Pegawai perlu membuat persediaan dan perancangan awal iaitu:

- (a) mengenal pasti universiti yang menawarkan bidang pengajian yang ingin dimohon. Sekiranya pegawai memohon **HLPS**, pegawai digalakkan untuk **memilih universiti yang berdekatan dengan tempat bertugas**;
- (b) mengenal pasti pensyarah yang berkeelayakan serta berkepakaran untuk dilantik sebagai penyelia; dan
- (c) membuat pembacaan awal berkenaan bidang pengajian yang ingin diikuti.

- v. Apakah yang akan berlaku setelah permohonan saya berjaya dihantar?

Jawapan:

Pegawai perlu:

- (a) menyimpan maklumat permohonan secara cetakan atau simpanan *soft copy* sebagai rekod sendiri;
- (b) memaklumkan kepada Ketua Jabatan berkenaan permohonan HLP/CBBP TB/HLPS; dan
- (c) merujuk portal rasmi KPM bagi sebarang pemakluman terkini dari semasa ke semasa.

1.2 TEMU DUGA

- i. Apakah persediaan yang perlu saya lakukan sekiranya berjaya dipanggil temu duga?

Jawapan:

Pegawai perlu membuat persediaan seperti yang berikut:

- (a) Membuat persediaan yang baik merangkumi aspek mental dan fizikal;

- (b) Menyediakan Kertas Cadangan Penyelidikan yang berkualiti dan asli;
- (c) Memiliki kefahaman, menunjukkan minat, bakat dan potensi terhadap bidang pengajian yang dimohon melalui cara penyampaian yang cemerlang semasa temu duga; dan
- (d) Digalakkan untuk membuat permohonan kemasukan ke universiti di dalam/luar negara berdasarkan bidang yang dimohon bagi mengelakkan kegagalan mendapat tempat sekiranya berjaya ditawarkan Program Penajaan/Cuti Belajar KPM kelak.

ii. Apakah yang perlu saya bawa ketika hadir ke sesi temu duga?

Jawapan:

Pegawai perlu membawa senarai dokumen dan alatan seperti yang dinyatakan dalam surat panggilan temu duga.

Sebagai persediaan awal, pegawai perlu memastikan dokumen asal adalah dalam simpanan masing-masing bagi memudahkan urusan sekiranya berjaya dipanggil temu duga.

iii. Selepas temu duga, apakah yang akan berlaku setelah saya berjaya ditawarkan Program Penajaan/Cuti Belajar KPM?

Jawapan:

Sekiranya pegawai lulus temu duga:

- (a) pegawai akan menerima Surat Tawaran Bersyarat;
- (b) pegawai **wajib** menghadiri Kursus Persediaan Pengajian bagi suatu tempoh yang akan ditentukan oleh pihak KPM; dan
- (c) **lulus** ujian yang diadakan.

Kegagalan pegawai untuk menghadiri Kursus Persediaan Pengajian tersebut boleh mengakibatkan penawaran terbatal.

1.3 TAWARAN

i. Adakah saya akan terikat dengan kontrak atau apa-apa perjanjian bagi Program Penajaan/Cuti Belajar KPM yang diterima?

Jawapan:

Ya. Sekiranya pegawai menerima kemudahan Program Penajaan/ Cuti Belajar KPM, pegawai akan terikat dengan kontrak perkhidmatan dan tertakluk kepada terma-terma yang terkandung dalam perjanjian. Pegawai perlu bertanggungjawab terhadap pengajian yang diikuti dan **wajib**

menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

- ii. Apakah yang akan berlaku kepada perkhidmatan saya sepanjang tempoh cuti belajar yang diluluskan?

Jawapan:

Sepanjang tempoh cuti belajar yang diluluskan, pegawai akan mengisi Jawatan Latihan, Bahagian Tajaan Pendidikan (BTP), KPM dan Setiausaha Bahagian, BTP merupakan Ketua Jabatan baharu yang berperanan untuk menguruskan hal-hal perkhidmatan pegawai seperti yang berikut:

- (a) Kenaikan pangkat – akan dipertimbangkan sekiranya telah memenuhi syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- (b) Faedah persaraan – tempoh cuti belajar layak diambil kira bagi tujuan pengiraan.

- iii. Apakah yang perlu saya lakukan setelah tamat tempoh cuti belajar yang diluluskan?

Jawapan:

Pegawai akan kembali berkhidmat setelah tamat tempoh cuti belajar sekali gus perlu memanfaatkan sepenuhnya ilmu dan kepakaran yang dimiliki untuk kemajuan diri dan organisasi (pulangan ke atas pelaburan).

Setelah melapor diri, pegawai akan ditempatkan dalam ekosistem pendidikan mengikut keperluan semasa KPM serta bersesuaian dengan bidang kepakaran dan kekosongan tempat bagi membolehkan KPM melaksanakan perancangan pembangunan sumber manusia secara berkesan.

2.0 CUTI BELAJAR SELAIN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP)/ CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA (CBBP TB)/ HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SEPARUH MASA/SAMBILAN (HLPS)

2.1 PERMOHONAN

- i. Siapakah yang layak memohon Program Penajaan/Cuti Belajar KPM ini?

Jawapan:

Semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) yang ketua perkhidmatannya adalah Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM) dan telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

- ii. Bagaimanakah cara terbaik untuk saya memilih bidang pengajian yang ingin diikuti?

Jawapan:

Pegawai perlu memastikan bidang yang dimohon adalah berkaitan dengan kelayakan akademik yang telah dimiliki, kesesuaian opsyen atau pengalaman perkhidmatan serta perancangan peningkatan kerjaya pada masa akan datang. Pegawai perlu membuat persediaan dari segi pengetahuan dan mempunyai minat yang tinggi dalam bidang yang dipilih.

- iii. Pekeliling/Garis Panduan apakah yang boleh saya rujuk berkaitan syarat-syarat permohonan?

Jawapan:

Pegawai boleh merujuk Pekeliling/Garis Panduan seperti di bawah sebelum permohonan dilakukan:

- (a) **Rujukan AKP dan PPP** - Garis Panduan Cuti Belajar Kepada pegawai Awam yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Panjang Secara Sepenuh Masa; dan
- (b) **Rujukan PPP sahaja** - Garis Panduan Pemilihan Bidang Pengajain dan Universiti untuk Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa Dengan Tajaan Selain Kementerian Pendidikan Malaysia atau Pembiayaan Sendiri bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

- iv. Bagaimanakah cara untuk saya dapatkan borang permohonan cuti belajar sepanjang tahun ini?

Jawapan:

Pegawai boleh dapatkan melalui Portal Rasmi KPM di ruangan “**MUAT TURUN**” atau pegawai boleh mengemukakan permohonan kepada Cawangan Penawaran, Bahagian Tajaan Pendidikan (BTP) melalui e-mel cutibelajar.bt@moe.gov.my.

- v. Apakah yang akan berlaku setelah permohonan saya berjaya dihantar?

Jawapan:

Pegawai perlu menunggu Surat Kelulusan/Surat Keputusan yang akan dihantar ke e-mel peribadi dan alamat tempat berkhidmat pegawai.

2.2 TAWARAN

- i. Adakah saya akan terikat dengan kontrak atau apa-apa perjanjian bagi Cuti Belajar KPM yang diterima?

Jawapan:

Ya. Sekiranya pegawai menerima kemudahan Belajar KPM, pegawai akan terikat dengan kontrak perkhidmatan dan tertakluk kepada terma-terma yang terkandung dalam perjanjian. Pegawai perlu bertanggungjawab terhadap pengajian yang diikuti dan **wajib** menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

- ii. Apakah yang akan berlaku kepada perkhidmatan saya sepanjang tempoh cuti belajar yang diluluskan?

Jawapan:

Sepanjang tempoh cuti belajar yang diluluskan, pegawai akan mengisi Jawatan Latihan, BTP, KPM dan Setiausaha Bahagian, BTP merupakan Ketua Jabatan baharu yang berperanan untuk menguruskan hal-hal perkhidmatan pegawai seperti yang berikut:

- (a) Kenaikan pangkat – akan dipertimbangkan sekiranya telah memenuhi syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan.
 - (b) Faedah persaraan – tempoh cuti belajar layak diambil kira bagi tujuan pengiraan.
- iii. Apakah yang perlu saya lakukan setelah tamat tempoh cuti belajar yang diluluskan?

Jawapan:

Pegawai akan kembali berkhidmat setelah tamat tempoh cuti belajar sekali gus perlu memanfaatkan sepenuhnya ilmu dan kepakaran yang dimiliki untuk kemajuan diri dan organisasi (pulangan ke atas pelaburan).

Setelah melapor diri, pegawai akan ditempatkan dalam ekosistem pendidikan mengikut keperluan semasa KPM serta bersesuaian dengan bidang kepakaran dan kekosongan tempat bagi membolehkan KPM melaksanakan perancangan pembangunan sumber manusia secara berkesan.

CAWANGAN PRAPERKHIDMATAN (B)

1. Apakah biasiswa yang ditawarkan oleh KPM?

KPM menyediakan Biasiswa Perguruan Persekutuan dan terhad bagi keperluan kerjaya keguruan berdasarkan unjuran keperluan bidang KPM. Biasiswa ini disediakan kepada pelajar cemerlang lepasan SPM, lepasan matrikulasi, pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dan pelajar lepasan ijazah sarjana muda.

2. Apakah program tajaan praperkhidmatan yang ditawarkan oleh KPM?

Program tajaan praperkhidmatan boleh dibahagi kepada **program tajaan dalam negara** dan **program tajaan luar negara**.

2.1 Senarai program tajaan **dalam negara** adalah seperti yang berikut:

- (i) Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP);
- (ii) Skim Latihan Tenaga Pengajar Program Matrikulasi (SLTPPM) Bahasa Inggeris; dan
- (iii) Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) Bahasa Antarabangsa.

2.2 Senarai program tajaan **luar negara** adalah seperti yang berikut:

- (i) Program Penghantaran Pelajar Cemerlang ke Luar Negara (PPC) Lulusan Matrikulasi;
- (ii) PPC Pendidikan Islam;
- (iii) PPC Bahasa Perancis;
- (iv) PPC Bahasa Mandarin; dan
- (v) SLTPPM Bahasa Inggeris.

3. Bilakah tawaran biasiswa akan dibuka?

Pelajar perlu merujuk pada portal rasmi KPM (www.moe.gov.my) dari semasa ke semasa bagi sebarang makluman terkini berkenaan tarikh hebahan permohonan biasiswa.

Bagi pemohon biasiswa yang ingin melanjutkan pengajian ke Timur Tengah, pelajar adalah **DIWAJIBKAN** untuk merujuk panduan mengisi permohonan kemasukan ke universiti di Timur Tengah secara atas talian melalui Bahagian Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi (BPPT), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), tertakluk kepada syarat dan dasar semasa yang berkuat kuasa.

4. Apakah bentuk tajaan biasiswa yang disediakan oleh KPM?

Jenis dan kadar elaun yang diberikan adalah berbeza mengikut program yang ditawarkan. Secara ringkas, jenis elaun yang ditawarkan oleh KPM merangkumi:

- (i) Elaun Sara Hidup;
- (ii) Elaun Buku;
- (iii) Elaun Alat Perkakas;
- (iv) Elaun Penempatan;

- (v) Elaun Pakaian Panas;
- (vi) Elaun Akhir Pengajian; dan
- (vii) Elaun Latihan Amali.

Perincian elemen elaun dan kadar elaun akan disertakan dalam Syarat Tawaran semasa Pelajar ditawarkan biasiswa.

5. Apakah lain-lain bentuk bantuan yang ditawarkan oleh KPM?

Selain pemberian elaun seperti dinyatakan di atas, KPM turut membiayai:

- (i) Pembiayaan tiket kapal terbang pergi dan balik ke/dari negara tempat pengajian;
- (ii) Bayaran yuran pengajian;
- (iii) Bayaran balik tuntutan visa; dan
- (iv) Tuntutan-tuntutan lain yang dibenarkan seperti dalam surat tawaran.

6. Di manakah universiti dan negara tempat pengajian yang ditawarkan oleh KPM?

Senarai universiti dan negara tempat pengajian adalah berdasarkan bidang pengkhususan yang ditawarkan oleh KPM. Senarai adalah seperti pautan yang berikut.

ATAU;

Sehingga kini, antara negara yang tersenarai dalam tawaran biasiswa KPM adalah seperti New Zealand, Australia, Jordan dan United Kingdom.

7. Apakah struktur pengajian di bawah program tajaan praperkhidmatan dalam dan luar negara?

Struktur pengajian di bawah program tajaan praperkhidmatan adalah berbeza mengikut program yang ditawarkan. Namun, ia boleh dirumuskan seperti yang berikut:

Struktur pengajian program tajaan **dalam negara**:

- (a) Pengajian ijazah sarjana muda dalam bidang pendidikan sehingga maksimum 48 bulan di Universiti Awam (UA); atau
- (b) Pengajian peringkat latihan keguruan (PDPP) sehingga maksimum 12 bulan di institusi pendidikan yang ditetapkan oleh KPM.

Struktur pengajian program tajaan **luar negara**:

- (a) Kursus orientasi di mana-mana institusi yang ditetapkan oleh KPM bagi suatu tempoh tertentu;
- (b) Pengajian ijazah sarjana muda sehingga maksimum 48 bulan di universiti yang terpilih luar negara; dan
- (c) Pengajian peringkat latihan keguruan PDPP sehingga maksimum 12 bulan di institusi pendidikan yang ditetapkan oleh KPM.

8. Bolehkah saya menerima biasiswa/dermasiswa lain semasa menjadi pelajar tajaan KPM?

Pelajar **TIDAK BOLEH** menerima apa-apa biasiswa, dermasiswa, pinjaman atau apa-apa jua cara dan bentuk bantuan kewangan lain bagi tujuan pengajian. Selepas menerima tawaran biasiswa KPM, pelajar perlu menghentikan serta-merta sebarang penajaan pengajian lain yang diterima sebelum ini.

9. Adakah penerima biasiswa terikat dengan KPM setelah menamatkan pengajian?

Ya. Penerima biasiswa adalah terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dalam suatu tempoh sepertimana ketetapan dalam Dokumen Perjanjian.

Penerima biasiswa bagi program praperkhidmatan dalam negara perlu berkhidmat dengan KPM bagi tempoh sekurang-kurangnya dua (2) atau empat (4) tahun. Manakala, penerima biasiswa bagi program praperkhidmatan luar negara perlu berkhidmat dengan KPM bagi tempoh sekurang-kurangnya lapan (8) tahun.

10. Adakah dibenarkan sekiranya saya menyambung pengajian peringkat Ijazah Sarjana setelah menamatkan pengajian?

Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** untuk terus menyambung pengajian peringkat Ijazah Sarjana setelah tamat pengajian. Pelajar hanya boleh melanjutkan pengajian ke peringkat lain setelah berjaya dilantik sebagai PPP di sekolah/institusi KPM, tertakluk kepada syarat-syarat latihan dalam perkhidmatan awam dan kelulusan oleh Ketua Jabatan.

11. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya gagal menamatkan pengajian dalam tempoh asal penajaan?

Sekiranya Pelajar gagal menamatkan pengajian mengikut tempoh pengajian termasuk apa-apa tempoh pelanjutan atau penangguhan yang diluluskan oleh KPM, Pelajar akan ditamatkan perjanjian dan dikenakan tindakan penguatkuasaan perjanjian dengan ganti rugi sebanyak yang dinyatakan dalam Dokumen Perjanjian.

12. Apakah yang akan berlaku sekiranya Pelajar enggan berkhidmat sebagai PPP di KPM?

Sekiranya Pelajar enggan berkhidmat, atau gagal memastikan dirinya dilantik sebagai PPP oleh kerana salah laku dan kecuaiannya sendiri menjadikan urusan pelantikan tertangguh atau tidak sesuai berkhidmat dengan KPM, Pelajar akan ditamatkan perjanjian dan dikenakan tindakan penguatkuasaan perjanjian dengan ganti rugi sebanyak yang dinyatakan dalam Dokumen Perjanjian.

CAWANGAN LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN (S)

1. Apakah jenis-jenis kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh?

Cuti Belajar Bergaji Penuh adalah seperti berikut:

- i) Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBP DB) atau Hadiah Latihan Persekutuan (HLP);
- ii) Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBP TB); dan
- iii) Cuti Belajar Bergaji Penuh Selain Kementerian Pendidikan Malaysia (CBBP SK).

Kemudahan ini bertujuan memberi ruang kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Lanjutan iaitu Sarjana dan Kedoktoran (Kedoktoran Falsafah, PhD / Kedoktoran Pendidikan, EdD).

2. Siapa yang layak memohon kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia?

Pelawaan ini hanya ditawarkan kepada pegawai yang berada di bawah kumpulan Pengurusan dan Profesional yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

3. Adakah kemudahan Cuti Belajar ini ditawarkan untuk pengajian di universiti luar negara?

Penawaran kemudahan cuti belajar di universiti luar negara hanya khusus kepada peringkat Ijazah Kedoktoran sahaja.

4. Apakah mod pengajian yang dibenarkan untuk menyambung pengajian peringkat Sarjana dan Kedoktoran?

Terdapat tiga (3) jenis mod pengajian yang dibenarkan iaitu:

- i) Penyelidikan;
- ii) Campuran; dan
- iii) Kerja Kursus.

5. Bolehkah saya hanya menerima tawaran daripada satu (1) universiti sahaja?

Boleh dengan syarat pegawai telah mendapat tempat di universiti berkenaan dan menerima surat tawaran pengajian tanpa syarat (unconditional offer letter) daripada universiti tersebut dalam bidang yang setara seperti ditawarkan oleh Bahagian Profesionalisme Guru (BPG). Walau bagaimanapun, pegawai adalah digalakkan untuk mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran daripada universiti yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Bahagian Tajaan Penuh (BTP).

6. Bolehkah saya membuat pertukaran mod/bidang pengajian/universiti semasa pengajian?

Pegawai **TIDAK DIBENARKAN** untuk menukar mod/bidang pengajian/universiti semasa dalam tempoh pengajian.

7. Adakah saya dibenarkan untuk menerima tawaran pengajian jika bidang yang ditawarkan oleh universiti berbeza daripada tawaran BTP?

TIDAK DIBENARKAN. Walau bagaimanapun, sekiranya bidang yang ditawarkan oleh universiti adalah sama dengan bidang yang ditawarkan oleh KPM, tetapi menggunakan nama yang berbeza, pegawai hendaklah memaklumkan secara rasmi perkara ini kepada pihak BTP beserta dokumen sokongan dan keputusan untuk menerima tawaran universiti berkenaan adalah tertakluk kepada kelulusan BTP.

8. Apakah jenis-jenis Elaun yang layak dan disediakan oleh KPM bagi kemudahan Cuti Belajar Dalam Negara?

- a) Elaun Sara Hidup;
- b) Elaun Buku;
- c) Elaun Alat Perkakas;
- d) Elaun Tesis (tertakluk kepada peringkat dan mod pengajian);
- e) Elaun Akhir Pengajian;
- f) Elaun Penempatan; dan
- g) Elaun Bantuan Keluarga.

9. Adakah saya terikat dengan apa-apa kontrak jika saya berjaya menerima tawaran kemudahan Cuti Belajar dengan KPM?

Ya, pegawai terikat dengan tempoh ikatan kontrak jika berjaya menerima tawaran KPM. Tempoh ikatan kontrak adalah berdasarkan sebagaimana yang termaktub di dalam Dokumen Perjanjian yang telah ditandatangani.

10. Apakah maksud Hadiah Latihan Persekutuan Separuh Masa/Sambilan (HLPS)?

Maksud Hadiah Latihan Persekutuan Separuh Masa/Sambilan (HLPS) adalah program pengajian yang ditawarkan secara separuh masa/sambilan kepada pegawai, tanpa meninggalkan tugas di jabatan masing-masing.

11. Berapakah tempoh penajaan yang diberikan?

Tempoh penajaan adalah bergantung kepada baki semester pengajian atau tempoh maksimum penajaan (yang mana lebih pendek). Tempoh maksimum penajaan HLPS mengikut peringkat pengajian adalah seperti berikut:

- a) peringkat Sarjana: 6 semester (36 bulan); dan
- b) peringkat Kedoktoran: 10 semester (60 bulan).

12. Apakah penajaan yang layak diterima bagi pegawai yang mengikuti program HLPS?

- a) Yuran Pengajian;
- b) Elaun Buku; dan
- c) Elaun Tesis.

13. Apakah kemudahan lain yang layak diterima bagi pegawai yang mengikuti program HLPS?

- a) Pegawai yang diluluskan oleh Ketua Jabatan untuk mengikuti pengajian secara separuh masa/sambilan layak untuk menggunakan Cuti Kursus Sambilan (CKS) seperti yang diperuntukkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2009.
- b) Pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Menghadiri Peperiksaan seperti yang diperuntukkan dalam Perintah-Perintah Am, Bab C, Perkara 44 bagi tujuan menghadiri peperiksaan. Kelulusan adalah berdasarkan kepada pertimbangan Ketua Jabatan.

14. Apakah maksud cuti belajar kategori lain-lain di bawah BTP?

Maksud cuti belajar kategori lain-lain di bawah BTP adalah seperti berikut:

- a) Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG);
- b) Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG); dan
- c) Cuti Belajar Kumpulan Pelaksana (CBKP).

15. Adakah cuti belajar separuh gaji (CBSG) layak menerima sebarang elaun-elaun yang berkaitan?

Pegawai layak menerima emolumen dan elaun dalam bentuk separuh gaji seperti mana termaktub di dalam garis panduan kemudahan cuti belajar kepada pegawai yang mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa, JPA.

16. Saya daripada Anggota Kumpulan Pelaksana, apakah cuti belajar yang sesuai untuk saya mohon?

Pegawai layak memohon CBKP iaitu cuti belajar bagi Kumpulan Pelaksana. Peringkat pengajian bagi cuti belajar ini meliputi sijil, diploma dan ijazah sarjana muda mengikut peringkat pengajian tertinggi bagi pegawai tersebut.

17. Bagaimanakah kaedah permohonan cuti belajar kategori lain-lain dibawah BTP?

Pemohon boleh mendapatkan borang permohonan melalui Portal Rasmi KPM di ruangan "MUAT TURUN" atau pegawai boleh mengemukakan permohonan kepada Cawangan Penawaran, BTP melalui e-mel cutibelajar.bt@moe.gov.my.

CAWANGAN PENGURUSAN & KEWANGAN (A)

1. **Adakah saya perlu mengemukakan *Performance Appraisal on Officer attending course for academic semester* (PSD form) pada setiap penghujung semester?**

Tidak. Tiada penilaian markah bagi pegawai cuti belajar berikutan pemansuhan penggunaan Borang PSD Form 6/1993 (JPA.BK(S)306/4 Jld.2 (6) bertarikh 25 September 2019. Untuk maklumat juga, Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia, BTP tahun 2020 yang bersidang pada 24 Januari 2020 telah memutuskan bahawa tiada penilaian markah bagi pegawai cuti belajar berikutan pemansuhan penggunaan Borang PSD Form tersebut.

2. **Bagaimana pula dengan urusan kenaikan pangkat saya sepanjang tempoh cuti belajar?**

Permohonan kenaikan pangkat pegawai hendaklah dikemukakan kepada BTP dan pihak BTP akan uruskan secara manual. Bagi penilaian markah, markah yang boleh digunakan bagi tujuan ini adalah markah pegawai tiga tahun kebelakang sebelum pegawai mula cuti belajar.

3. **Siapakah Ketua Jabatan saya semasa cuti belajar?**

Sepanjang tempoh cuti belajar pegawai, Ketua Jabatan pegawai adalah Setiausaha Bahagian, Bahagian Tajaan Pendidikan.

4. **Bagaimanakah dengan urusan perkhidmatan saya, seperti Buku Perkhidmatan Kerajaan?**

Sepanjang tempoh cuti belajar pegawai, semua dokumen perkhidmatan pegawai, seperti yang tersenarai dalam Lampiran A (senarai semak cuti belajar) hendaklah diserahkan kepada BTP. Antara contoh dokumen perkhidmatan adalah Buku Perkhidmatan Kerajaan dan Sijil Gaji akhir.

5. **Bagaimana dengan urusan HRMIS saya?**

Setelah urusan PBPPP pegawai selesai, mohon agar HRMIS pegawai diputus sandang daripada Jabatan lama. Seterusnya mohon maklumkan kepada BTP untuk pihak kami sandang masuk pegawai ke sistem HRMIS BTP.

6. **Bagaimanakah saya ingin menyemak sebarang kenaikan/pengurangan Potongan Cukai Bulanan (PCB) di dalam slip gaji saya?**

Pengiraan dan potongan PCB dibuat secara automatik dan bukan dikunci masuk di peringkat Unit Akaun di peringkat PTJ. Kaedah PCB yang diperkenalkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) adalah bertujuan untuk memastikan bayaran PCB adalah sama atau hampir sama dengan cukai sebenar (ke arah final tax).

Kaedah pengiraan dan formula PCB yang digunapakai di dalam sistem gaji JANM telah mendapat kelulusan dan pengesahan daripada LHDNM dan ianya selari dengan Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) (Pindaan) (No.2) 2014.

7. Adakah saya layak untuk menerima Bantuan Khas Kewangan (BKK) bagi negeri-negeri yang terlibat sebagai contoh Sarawak, Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan?

Bagi bayaran BKK yang diumumkan di peringkat Kerajaan Negeri, sebarang terma dan syarat kelayakan adalah tertakluk kepada surat arahan yang diedarkan oleh negeri yang berkaitan.

CAWANGAN PENGUATKUASAAN DAN KUTIPAN BALIK (C)

SOALAN UMUM:

1. Apakah hukum tidak membayar balik tuntutan Ganti Rugi/Pinjaman Pelajaran KPM?

Perjanjian pinjaman pelajaran/biasiswa perguruan persekutuan yang telah dimeterai antara para penerima dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia adalah suatu akad yang wajib dipatuhi. Apa jua perkara yang terkandung dalam perjanjian tersebut mestilah dipatuhi termasuk juga kewajipan para penerima untuk membuat bayaran balik pinjaman pelajaran bagi pelajar yang sudah menamatkan pengajian dan juga ganti rugi biasiswa bagi penerima yang tidak menamatkan pelajaran atau melanggar perjanjian turut dinyatakan dalam perjanjian tersebut. Ia dikira sebagai hutang yang merupakan satu amanah yang wajib ditunaikan. Oleh itu, menjelaskan hutang adalah wajib, lebih-lebih lagi bagi mereka yang berkemampuan. Hukum mereka yang sengaja melambatkan atau menangguhkan pembayaran hutang sedangkan mereka berkemampuan adalah haram (SS Mufti Wilayah Persekutuan, 2025).

2. Apakah yang berlaku sekiranya Pegawai/Pelajar/Peminjam tersebut meninggal dunia dan hutang tersebut tidak di bayar atau belum selesai membayar?

Dalam Islam, hutang si mati mesti diselesaikan terlebih dahulu sebelum harta pusaka boleh diagihkan kepada waris oleh kerana tanggungjawab melunaskan hutang masih lagi terikat pada harta si mati. Harta peninggalan si mati akan digunakan untuk melangsaikan hutang tersebut. Sekiranya harta peninggalan si mati tidak mencukupi, maka penjamin bertanggungjawab untuk membayar baki hutang mengikut perjanjian yang telah ditetapkan sekiranya ada penjamin. Namun sekiranya tiada penjamin juga, maka ia masih lagi dianggap sebagai tanggungan si mati sehinggalah ada pihak yang melunaskan bagi dirinya. Manakala waris yang lain pula tidak pula diwajibkan untuk membayar hutang si mati dengan harta peribadi mereka, melainkan mereka secara sukarela ingin melunaskannya (SS Mufti Wilayah Persekutuan, 2025).

3. Saya ingin menyemak baki tuntutan Ganti Rugi/Pinjaman Pelajaran KPM, Bagaimanakah saya ingin menyemak baki tersebut?

Pegawai/Pelajar/Peminjam/Penjamin/Waris boleh membuat permohonan semakan baki tuntutan ganti rugi/pinjaman pelajaran KPM kepada Cawangan Penguatkuasaan Perjanjian melalui e-mel bt.pp@moe.gov.my dengan mengemukakan maklumat seperti yang berikut:

- a) Nama Penuh Pegawai/Pelajar/Peminjam (seperti yang tertera di kad pengenalan);
- b) Nombor Kad Pengenalan (lama dan baharu);
- c) Nombor Telefon Bimbit;
- d) Alamat Terkini Surat-Menyurat; dan
- e) Maklumat Penjamin/Waris (sekiranya ada).

4. Saya ingin membuat bayaran balik tuntutan Ganti Rugi/Pinjaman Pelajaran KPM, secara bayaran penuh (full settlement) bagaimanakah cara untuk saluran bayaran tersebut?

Pegawai/Pelajar/Peminjam/Penjamin/Waris boleh membuat permohonan bayaran balik tuntutan ganti rugi/pinjaman pelajaran KPM secara bayaran penuh (*full settlement*) kepada Cawangan Penguatkuasaan Perjanjian melalui e-mel bt.pp@moe.gov.my

Berikut merupakan kaedah/saluran bayaran:

- a) Bayaran secara atas talian melalui akaun Affin Bank (KPM);
- b) Bayaran tunai di kaunter (Bahagian Tajaan Pendidikan, Cyberjaya);
- c) Dokumen Bayaran (Cek Bank/Kiriman Wang/Wang Pos); atau
- d) Pengeluaran KWSP (bagi pinjaman pelajaran KPM sahaja)

Salinan transaksi pembayaran tersebut perlu di e-melkan ke bt.terimaan@moe.gov.my dan disalinkan ke e-mel bt.pp@moe.gov.my

5. Sekiranya saya menyelesaikan bayaran balik tuntutan Ganti Rugi/Pinjaman Pelajaran KPM, secara bayaran penuh (full settlement), adakah saya layak untuk menerima sebarang pengurangan jumlah tuntutan (rebat)?

Tiada pengurangan jumlah tuntutan (rebat) diberikan jika membuat bayaran penuh.

6. Saya telah selesai membuat bayaran balik tuntutan Ganti Rugi/Pinjaman Pelajaran KPM, bagaimanakah cara untuk mendapatkan surat selesai bayar?

Pegawai/Pelajar/Peminjam/Penjamin/Waris boleh membuat permohonan melalui e-mel Cawangan Penguatkuasaan Perjanjian iaitu bt.pp@moe.gov.my dengan mengemukakan maklumat seperti yang berikut:

- a) Nama Penuh Pegawai/Pelajar/Peminjam (seperti yang tertera di kad pengenalan);
- b) Nombor Kad Pengenalan (lama dan baharu);
- c) Nombor Telefon Bimbit;
- d) Alamat Terkini Surat-Menyurat; dan
- e) Maklumat Penjamin/Waris (sekiranya ada).

7. Saya telah selesai membuat bayaran balik tuntutan Ganti Rugi/Pinjaman Pelajaran KPM dan mendapati terdapat lebih bayaran dalam semakan penyata. Bagaimanakah saya hendak menuntut kembali lebih bayaran tersebut?

Pegawai/Pelajar/Peminjam/Penjamin/Waris boleh membuat permohonan tuntutan lebih bayaran balik melalui e-mel Cawangan Penguatkuasaan Perjanjian iaitu bt.pp@moe.gov.my dengan mengemukakan maklumat seperti yang berikut:

Melengkapkan Borang Tuntutan Lebih Bayaran Balik;

(*hyperlink borang untuk download oleh peminjam/waris*)

- a) Salinan kad pengenalan (lama dan baharu);
- b) Salinan penyata maklumat akaun bank; dan
- c) Salinan slip gaji bagi bulan terakhir dengan potongan dan bulan berikutnya tanpa potongan (bagi pemohon yang membuat bayaran melalui potongan gaji).

8. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan alamat/ maklumat perkhidmatan/ maklumat perhubungan?

Pegawai/Pelajar/Peminjam/Penjamin/Waris boleh memaklumkan melalui e-mel Cawangan Penguatkuasaan Perjanjian iaitu bt.pp@moe.gov.my dengan mengemukakan maklumat seperti yang berikut:

- a) Nama Penuh Pegawai/Pelajar/Peminjam (seperti yang tertera di kad pengenalan);
- b) Nombor Kad Pengenalan (lama dan baharu);
- c) Nombor Telefon Bimbit;
- d) Alamat Terkini Surat-Menyurat; dan
- e) Maklumat Penjamin/Waris (sekiranya ada).

9. Saya menerima surat pemakluman Arahan Potongan Gaji Mandatori daripada KPM. Mengapa saya menerima surat ini dan bagaimanakah potongan ini akan dijalankan?

Surat makluman ini dikeluarkan kepada pegawai yang dikenal pasti berkhidmat di sektor kerajaan/badan berkanun yang belum atau terhenti melakukan bayaran balik tuntutan Ganti Rugi/Pinjaman Pelajaran KPM berdasarkan Arahan Pegawai Pengawal KPM;

Bagi Pegawai di bawah tuntutan ganti rugi mungkir perjanjian biasiswa/cuti belajar KPM akan dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Kementerian/Jabatan Pendidikan Negeri/ Pejabat Pendidikan Daerah/ Sekolah; dan

Bagi peminjam di bawah Pinjaman Pelajaran Persekutuan dilaksanakan secara berperingkat melalui kerjasama KPM dengan pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Potongan akan dilakukan secara terus melalui JANM di mana Unit Gaji Sekolah/Majikan peminjam tidak terlibat dengan potongan ini.

10. Saya bakal bersara dan menerima surat pemakluman Arahan Potongan Ganjaran daripada KPM. Mengapa saya menerima surat ini dan bagaimanakah potongan ini akan dijalankan?

Potongan melalui ganjaran akan dilaksanakan kepada pegawai yang dikenal pasti bersara wajib/ bersara pilihan yang memilih opsi pencairan bagi menyelesaikan keseluruhan baki tuntutan Ganti Rugi/Pinjaman Pelajaran KPM. Walau bagaimanapun, sekiranya baki ganjaran tidak mencukupi, baki tuntutan akan ditolak daripada pencairan bulanan pesara.

Potongan ini akan dilaksanakan melalui kerjasama KPM, Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP). Potongan akan dilakukan secara terus melalui KWAP.

11. Saya telah bersara dan menerima surat pemakluman Arahan Potongan Pencen daripada KPM. Mengapa saya menerima surat ini dan bagaimanakah potongan ini akan dijalankan?

Arahan potongan pencen akan dilaksanakan kepada pesara yang dikenal pasti belum atau terhenti melakukan bayaran balik/ baki ganjaran tidak mencukupi bagi menyelesaikan baki tuntutan Ganti Rugi/Pinjaman Pelajaran KPM.

Potongan ini akan dilaksanakan melalui kerjasama KPM, Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP). Potongan akan dilakukan secara terus melalui KWAP.

12. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya pegawai/pelajar/peminjam/penjamin/waris mempunyai kekangan dalam membuat bayaran balik?

Pegawai/pelajar/peminjam/penjamin/waris boleh mengemukakan permohonan penjadualan semula (*reschedule*) kadar ansuran bulanan secara e-mel ke bt.pp@moe.gov.my dengan mengemukakan maklumat seperti yang berikut:

- a) Surat rayuan pengurangan ansuran (sila sertakan justifikasi yang kukuh);
- b) Salinan slip gaji terkini bagi pegawai jika bekerja;
- c) Melengkapkan Borang Pengakuan Pendapatan Peminjam/penjamin/waris yang disahkan oleh Ketua Kampung/Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau Penghulu jika tidak bekerja; atau
- d) Penerima apa-apa bantuan daripada agensi Kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)/zakat/Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

13. Sekiranya saya telah disenarai hitam (sekatan kenaikan pangkat/pencen pilihan), apakah yang harus saya lakukan?

Pegawai perlu membuat bayaran penuh (full settlement) berdasarkan baki tunggakan tuntutan ganti rugi/ pinjaman pelajaran KPM melalui mana-mana kaedah bayaran balik yang disediakan oleh KPM. Pegawai diwajibkan untuk memaklumkan dan menghantar **salinan bukti bayaran** dengan kadar segera kepada KPM. Nama pegawai akan dikeluarkan setelah bayaran diterima. Salinan transaksi pembayaran tersebut perlu die-melkan ke bt.terimaan@moe.gov.my dan disalinkan ke e-mel bt.pp@moe.gov.my

14. Apakah tindakan yang akan diambil oleh KPM jika pegawai/pelajar/peminjam/penjamin mempunyai tunggakan?

Tindakan yang akan diambil oleh KPM jika pegawai/pelajar/peminjam/penjamin mempunyai tunggakan adalah seperti yang berikut :

- a) Penghantaran Peringatan Pertama;
- b) Penghantaran Peringatan Kedua;
- c) Penghantaran Peringatan Ketiga; dan
- d) Penghantaran *Notice of Demand* (NOD) dan Saman

15. Apakah tindakan penguatkuasaan yang dikenakan terhadap pegawai/pelajar/peminjam/penjamin yang ingkar menjelaskan bayaran?

Bagi pegawai/pelajar/peminjam/penjamin yang ingkar dan gagal mematuhi arahan bayaran balik tuntutan ganti rugi/pinjaman pelajaran KPM, kes penama akan dirujuk ke Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU) dan Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk tindakan penguatkuasaan undang-undang.

16. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya pegawai/pelajar/peminjam/penjamin telah dikeluarkan Peringatan Pertama, Kedua dan Ketiga?

Bagi pegawai/pelajar/peminjam/penjamin hendaklah membuat penyelesaian jumlah tunggakan bayaran balik tuntutan ganti rugi/pinjaman pelajaran KPM melalui mana-mana kaedah bayaran balik yang disediakan oleh KPM. Pegawai/pelajar/peminjam/penjamin diwajibkan untuk memaklumkan dan menghantar **salinan bukti bayaran** dengan kadar segera kepada KPM. Salinan transaksi pembayaran tersebut perlu die-melkan ke bt.terimaan@moe.gov.my dan disalinkan ke e-mel bt.pp@moe.gov.my

SOALAN BAYARAN BALIK TUNTUTAN GANTI RUGI:

17. Siapakah yang dikehendaki membayar balik tuntutan ganti rugi?

Pegawai/Pelajar/Penjamin yang melanggar mana-mana syarat Perjanjian Biasiswa/Cuti Belajar KPM.

18. Berapakah jumlah tuntutan ganti rugi yang akan dikenakan ke atas saya sekiranya saya melanggar syarat perjanjian/tidak memenuhi terma perjanjian?

Jumlah tuntutan ganti rugi adalah berdasarkan kos perjanjian bagi tajaan dalam negara dan kos sebenar bagi tajaan luar negara atau sebarang jumlah yang diputuskan oleh Kerajaan.

19. Bilakah tempoh masa untuk menjelaskan tuntutan ganti rugi?

Tuntutan ganti rugi hendaklah diselesaikan dalam tempoh 60 hari (Perjanjian Biasiswa/Cuti Belajar) daripada tarikh Notis dikeluarkan.

20. Siapakah pemegang kontrak?

Pemegang kontrak adalah penerima Biasiswa Perguruan Persekutuan KPM dan Hadiah Latihan Persekutuan KPM.

21. Saya berhasrat untuk mengemukakan permohonan rayuan atas sebab kesihatan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan. Apakah dokumen sokongan yang perlu disediakan?

Pegawai/pelajar boleh mengemukakan rayuan secara e-mel ke bt.pp@moe.gov.my dengan mengemukakan maklumat seperti yang berikut:

- a) Surat permohonan rasmi rayuan Tuntutan Ganti Rugi Mungkir Perjanjian Biasiswa/Cuti Belajar atas sebab masalah kesihatan;
- b) Laporan Perubatan yang dikeluarkan oleh Pakar Perubatan Kerajaan berhubung penyakit kronik yang menyebabkan tidak sihat untuk meneruskan pengajian; dan
- c) Kenyataan cuti sakit dan cuti tanpa gaji (CTG) yang dijana melalui HRMIS (bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan).

22. Adakah saya masih perlu membayar tuntutan ganti rugi sekiranya berhasrat untuk membuat rayuan?

Pegawai/pelajar perlu membuat bayaran tuntutan ganti rugi dalam tempoh rayuan.

23. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya saya telah menamatkan pengajian selepas menerima Notis Tuntutan?

Pegawai perlu mengemukakan **surat senat sebagai bukti tamat pengajian** dan memaklumkan melalui e-mel Cawangan Penguatkuasaan Perjanjian iaitu bt.pp@moe.gov.my.

24. Adakah potongan gaji masih diteruskan setelah bukti tamat pengajian dikemukakan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan?

Potongan gaji masih diteruskan. BTP akan melaksanakan pelarasan semula tuntutan ganti rugi berdasarkan tempoh kelewatan pegawai menamatkan pengajian

25. Bagaimanakah cara jika pegawai/pelajar ingin membuat semakan ikatan kontrak ke atas Perjanjian Biasiswa/Cuti Belajar KPM?

Pemegang kontrak perlu mengemukakan maklumat seperti yang berikut:

- a) Nama Penuh (seperti yang tertera di kad pengenalan);
- b) Nombor Kad Pengenalan (lama dan baharu);
- c) Nombor Telefon Bimbit;
- d) Alamat Terkini Surat-Menyurat; dan
- e) Kenyataan Buku Perkhidmatan.

Maklumat tersebut boleh dikemukakan kepada Cawangan Penguatkuasaan Perjanjian melalui e-mel iaitu bt.pp@moe.gov.my bagi skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP).

26. Apakah kesan sekiranya pegawai/pelajar ingin berkhidmat sebagai Pensyarah di IPTA/IPTS selepas tamat belajar atau dalam tempoh ikatan kontrak?

Pemegang kontrak hendaklah berkhidmat di KPM sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) sepertimana yang ditetapkan oleh KPM sebagai penaja. Pemegang kontrak telah dianggap melanggar terma perjanjian dan akan dikenakan tindakan tuntutan ganti rugi berdasarkan kos perjanjian bagi tajaan dalam negara dan kos sebenar bagi tajaan luar negara atau sebarang jumlah yang diputuskan oleh Kerajaan.

